

SIARAN AKHBAR
Untuk Siaran Segera
13 September 2012

Moola menawarkan kemudahan dan membeli-belah percuma untuk pembeli melalui aplikasi mudahalaih

Kuala Lumpur, 13 September 2012 – ICT Utopia Sdn Bhd, subsidiari milik penuh 1 Utopia Berhad, telah melancarkan “Moola” untuk pembeli di Plaza Low Yat hari ini. Moola, *Program Pulangan-Tunai Gaya Hidup* pertama seumpamanya menyasarkan untuk menyemarakkan pengalaman membeli-belah pengguna dengan ganjaran tanpa henti. Langkah ini adalah seiring dengan permintaan pengguna yang mahukan harga yang lebih rendah, kualiti yang lebih tinggi, pilihan yang lebih baik, serta berkemampuan untuk mencapai perniagaan melalui semua saluran yang ada pada bila-bila masa sepanjang hari. Berbeza daripada program ganjaran konvensional, Moola adalah program mobil evolusi yang berfungsi menggunakan aplikasi mobil dan kod QR yang menggunakan teknologi terkini. Aplikasi mobil yang dicipta khas untuk kemudahan pelanggan di mana pembeli dapat menikmati membeli-belah secara percuma dan memperolehi tawaran paling hebat tanpa memerlukan sebarang kad tertentu. Majlis ini telah dilancarkan oleh Pengarah Urusan 1 Utopia Berhad, Encik Victor Chin, pengurus Besar Kumpulan Low Yat, Michael Lee serta kakitangan pengurusan ICT Utopia.

“Moola adalah lebih dari program kesetiaan yang biasa. Moola menyamai kehebatan wang tunai untuk digunakan sebagai pembayaran alternatif untuk ahli-ahlinya - yang dikenali sebagai Moola Frenz, untuk membayar sepenuhnya atau melunaskan harga belian serta-merta apabila mereka menjamu selera, membeli produk IT, melancong dan juga fesyen di rangkaian Moola Shopz. Moola sememangnya menawarkan kemudahan maksimum – kemampuan untuk membayar barangan dan perkhidmatan tanpa wang tunai, menggunakan teman paling rapat pengguna – telefon pintar! Tanpa proses berlarutan atau kad plastik, hanya imbas dan urusaniaga anda selesai,’ Kenny Khoo, Pengarah Eksekutif 1 Utopia Berhad.

Moola sememangnya unik jika dibandingkan dengan yang berada di pasaran memandangkan ia menawarkan penebusan fleksibel di mana-mana Moola Shopz menggunakan Moola yang telah diperolehi dan dikumpul. Setiap pembelian akan memperolehi Moola, yang kemudiannya boleh digunakan untuk menjamu selera di pelbagai restoran dan outlet F&B, membeli-belah untuk produk ICT termasuk percutian dan fesyen. Moola memberikan ganjaran tanpa henti kepada pembeli seperti bawcer “FreeMakan” dan pelbagai tawaran hebat lain apabila mereka menggunakan Moola yang telah diperolehi untuk lebih banyak penjimatan dan nilai untuk wang. Tambahan pula, Moola Frenz akan menikmati keahlian sepanjang hayat percuma tanpa dikenakan caj pentadbiran atau yuran penyertaan.

Menurut Kenny, “Apabila dibandingkan dengan pengalaman membeli-beli ‘linear’ tradisional, pengalaman membeli-belah dagangan pelbagai-saluran Moola memneri lebih manfaat kepada pedagang melalui peningkatan belian impulsif dengan kesan sampingan ke atas keuntungan memandangkan Moola menyediakan maklumat masa sebenar kepada pelanggan mengenai promosi dan produk baru. Penggunaan pintar media sosial adalah satu lagi aspek utama Moola, di mana keputusan membeli amat dipengaruhi oleh pendapat yang diberikan melalui media sosial dan ulasan dalam talian. Tidak ada perniagaan yang imun daripada segmen mudahalaih apabila sebahagian besar pengguna beralih ke telefon pintar. Program afiniti saudagar Moola melalui teknologi aplikasi mudahalaih khusus akan

membawa ribuan pelanggan baru ke kedai saudagar yang mengambil bahagian, sekaligus meningkatkan jualan, keuntungan dan kesetiaan pelanggan mereka di dalam rangkaian Moola Shopz”.

“Sebagaimana yang kita ketahui, kadar penembusan telefon mudahalih di Malaysia telah mencatatkan rekod menakjubkan pada 127.7% manakala kadar penembusan pengguna telefon pintar pula dijangka mencecah 80% menjelang akhir tahun ini. Selain itu, berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh PayPal, ia menyatakan bahawa 642,770 rakyat Malaysia melakukan pembelian menggunakan peranti mudahalih pada 2011, berbanding 253,960 pada tahun sebelumnya. Transaksi telefon pintar ini bernilai RM337 juta, mewakili hampir tiga per empat daripada keseluruhan pasaran dagangan mudahalih, berbanding RM108 juta yang dicatatkan melalui tablet. Angka ini amat positif untuk Moola, dan ICT Utopia yakin bahawa Moola akan memperolehi 2 juta keahlian dalam tempoh setahun dari sekarang,” tambah Kenny.

ICT Utopia telah memperuntukkan RM1,500,000.00 ke atas belanjawan pengiklanan dan promosinya untuk membina kesedaran jenama yang lebih besar untuk Moola. Buat masa ini, ICT Utopia telah mempunyai 25 pedagang F&B dan 40 pedagang runcit ICT di Lembah Kelang dan Plaza Low Yat, yang akan diperluaskan ke rantau Utara dan Selatan menjelang awal tahun hadapan. Hingga kini, 1 Utopia telah memulakan media sosial, aktiviti saudagar setempat, peraduan dan bakal diikuti oleh radio untuk membina kesedaran yang lebih tinggi mengenai Moola.

Kini, setiap Mool Frenz atau ahli Moola berpeluang untuk membawa pulan kereta BMW 3 Siri sebagai hadiah utama. Peraduan seluruh negara ini terbuka kepada semua Moola Frenz yang berbelanja melebihi RM500 setiap transaksi di ICT Moola Shopz dan RM50 di F&B Moola Shopz. Apa yang perlu dilakukan oleh semua peserta adalah mendaftarkan nombor siri borang peraduan di dalam aplikasi Moola mereka dan mengesahkan borang peraduan tersebut ke pusat perkhidmatan kami atau memasukkannya ke dalam kotak khas yang terdapat di Plaza Low Yat. Bukan itu sahaja, pembelanja terbanyak dan pembelanja paling kerap berpeluang untuk membawa pulang hadiah-hadiah menarik seperti baucer menjamu selera, ICT, fesyen dan pelancongan pada setiap suku tahun sebelum finale hadiah utama.

Bersempena dengan pelancaran Moola, Moola Frenz berpeluang menikmati perkhidmatan i-Milik percuma tanpa perlu membayar RM10 untuk setiap pendaftaran produk ICT yang dikenakan kepada bukan ahli. Moola Frenz boleh mendaftar tanpa had jumlah produk ICT di bawah i-Milik sepanjang 6-bulan tempoh promosi sehingga akhir Mac 2013. i-Milik adalah sistem pencegahan jenayah yang dicipta khas untuk melindungi dan mencegah masyarakat daripada membeli dan memiliki produk ICT yang dicuri.

Kumpulan amat yakin bahawa Moola bakal mencetus evolusi gaya hidup mudahalih Malaysia, dan telah menetapkan sasaran dalaman dengan keuntungan kasar sebanyak RM7.2 juta, RM47.52 juta dan RM138.24 juta untuk tiga tahun pertama operasi. Baru-baru ini 1 Utopia telah mencatatkan perolehan Kumpulan sebanyak RM265.0 juta dengan keuntungan sebanyak RM0.234 juta untuk prestasi separuh pertamanya yang berakhir pada 31 Mei 2012. Kumpulan, dahulunya dikenali sebagai Tejari Technologies Berhad, telah mencipta semula dan mempelbagaikan perniagaannya kepada 2 lagi aliran; Teknologi dan Kreatif selain daripada Kejuruteraan. Kepelbagaian melalui pengambilalihan syarikat teknologi ICT telah meletakkan 1 Utopia di landasan yang lebih kompetitif dari segi keteguhan kewangan, kestabilan dan keupayaan inovasi. Ia telah dicerminkan ke dalam perubahan positif Kumpulan untuk beberapa tahun lepas, yang melaporkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.748 juta pada 2011 dan RM0.948 juta pada 2010,” tambah Kenny.

###

Mengenai Moola (www.moola.my)

Moola adalah *Program Pulangan-Tunai Gaya Hidup* pertama seumpamanya yang dicipta khas untuk pembeli yang menawarkan kenikmatan membeli-belah secara percuma, penjimatan hebat dan tawaran terbaik. Moola dileverajkan ke atas aplikasi mudahaloh menggunakan teknologi kod QPR untuk semua interaksi; dari pendaftaran ahli, pengumpulan dan penebusan Moola, hinggalah membeli-belah sebenar. Ia amat ringkas dan mudah; tanpa usaha pentadbiran; tanpa yuran penyertaan; tanpa kad; dan didatangkan dengan lebih fleksibiliti untuk pembeli menikmati pelbagai ganjaran untuk penebusan.

Ahli akan memperolehi Moola untuk setiap pembelian di outlet saudagar yang mengambil bahagian. Mereka kemudiannya boleh menggunakan Moola yang diperolehi untuk melunaskan pembelian seterusnya apabila mereka membeli-belah di mana-mana saudagar yang merupakan sebahagian daripada rangkaian Moola Shopz. Dan sekiranya ahli menggunakan Moola untuk melunaskan pembayaran, mereka masih akan diberikan lebih banyak Moola. Ahli akan terus memperolehi ganjaran yang sama apabila membelanjakan Moola yang terkumpul.

Moola Frenz atau ahli dapat menjimatkan sehingga 100% atau menikmati keistimewaan dan tawaran eksklusif daripada 4 kategori e-Baucer yang ditawarkan setiap hari. Dengan Moola, ahli semestinya akan menikmati pengalaman dunia membeli-belah yang unik yang menjanjikan ganjaran kejutan dan keistimewaan yang tidak terhad. Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran ahli, hanya layari www.moola.my atau www.facebook.com/moolamalaysia atau muat turun Moola App dari GooglePlay, Blackberry App World dan Apple Apps Store.

Mengenai i-Milik

i-Milik adalah sistem pencegahan jenayah yang dicipta khas untuk melindungi dan mencegah masyarakat Malaysia daripada membeli dan memiliki barangan ICT yang dicuri. Apa yang perlu anda lakukan adalah daftarkan produk ICT anda di bawah pemilikan anda. Sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat 1 Utopia Berhad, sebahagian daripada hasil i-Milik akan diserahkan kepada 1 Utopia Foundation dengan wawasan untuk menyediakan sumber kepada masyarakat miskin dan kurang berkemampuan untuk mendapatkan pengetahuan dan pembelajaran melalui program ICT. Dengan i-Milik, ahli menikmati ketenangan fikiran dan jaminan bahawa produk ICT “terpakai” yang mereka beli bukan yang dicuri atau tidak sah. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, sila layari www.imilik.com atau www.facebook.com/imilikmalaysia.

Mengenai 1Utopia Berhad (www.1utopia.com.my)

Dahulunya dikenali sebagai Tejari Technologies, 1Utopia telah berkembang sebagai konglomerat berasaskan-teknologi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pelanggan. Selaras dengan pelan perluasan kami untuk membawa inovasi ke tahap tertinggi yang belum pernah disaksikan oleh negara, 1Utopia telah mengalami transformasi luar biasa bersandarkan keupayaan inovasi teknologinya. 1Utopia beraspirasi untuk menjadi peruncit gaya hidup ICT terbesar negara dan beriltizam untuk meningkatkan gaya hidup pelanggannya dalam setiap cara melalui penyediaan perkhidmatan yang cemerlang dan teras gabungan Teknologi, Kreatif dan Teknologi yang optimum.

Perhubungan Media

Irene Ang
Pengarah Jenama & Komunikasi
No HP: +6012 398 4133
Emel : ireneang@1utopia.com.my